

KATA SENDI NAMA

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Kempen kebersihan yang dilancarkan pada minggu lepas akan berlangsung _____ minggu hadapan.
A dari C hingga
B kepada D pada
- 2 Suganya dan Moganah bersahabat rapat _____ mereka belajar di tadika lagi.
A daripada C sejak
B ketika D sampai
- 3 Puvana mula menjahit pakaian itu _____ minggu lepas.
A hingga C semenjak
B daripada D sampai
- 4 Guru Besar dan guru-guru sekolah sedang berbincang _____ Majlis Anugerah yang akan diadakan pada minggu hadapan.
A tentang C agar
B terhadap D supaya
- 5 Naren akan menjual keretanya _____ sesiapa yang berminat.
A pada C kepada
B daripada D dengan
- 6 Saniah menyerahkan kad jemputan majlis perkahwinan itu _____ ibunya yang baru pulang dari pejabat.
A daripada C untuk
B kepada D pada
- 7 Bubu yang digunakan untuk memerangkap ikan diperbuat _____ buah.
A dari C oleh
B daripada D pada
- 8 Gobi menerima sepucuk surat _____ ibunya.
A daripada C hingga
B kepada D pada
- 9 Hadiah ini saya terima _____ ibu dan ayah sempena hari lahir saya.
A dari C daripada
B kepada D pada
- 10 Sara mengupas kulit buah mangga itu _____ sebilah pisau yang tajam.
A untuk C pada
B dengan D oleh

- 11 Encik Haris bersetuju _____ harga rumah yang ditawarkan oleh syarikat perumahan tersebut.
A kepada C untuk
B demi D dengan
- 12 Setelah memenangi perlumbaan itu, Puviarasan mengangkat tangannya _____ menyahut sorakan penonton.
A dengan C untuk
B kepada D pada
- 13 "Surat ini _____ disampaikan kepada bapa kamu," kata Siti kepada Raihan.
A bagi C demi
B untuk D akan
- 14 Rohini tinggal _____ Kampung Sejahtera bersama keluarganya.
A dari C di
B kepada D pada
- 15 Hazmi akan _____ London pada minggu depan untuk melanjutkan pelajarannya.
A ke C dari
B kepada D pada
- 16 Pasukan Keselamatan telah mengetatkan kawalan pintu masuk ke sempadan Malaysia _____ menjaga keselamatan negara.
A akan C agar
B demi D supaya
- 17 Nasihat awak kepadanya _____ mencurahkan air ke daun keladi..
A umpama C antara
B tentang D sampai
- 18 Bungkusannya yang saya terima tadi ada _____ Arfan.
A di C untuk
B kepada D pada
- 19 Suren tidak suka membuat perkara _____ itu.
A untuk C seperti
B dari D dengan
- 20 Kamini _____ menduduki peperiksaan UPSR _____ minggu hadapan.
A demi...ke C oleh...pada
B akan...di D akan...pada

21. Pembukaan bangunan baru dirasmikan_____ Pegawai Pelajaran Daerah.
A pada C dari
B kepada D oleh
22. Dalam dunia ini terdapat lebih_____ 10 000 jenis spesies burung.
A daripada C hingga
B dari D pada
23. Puan Vemala menjaga anak angkatnya_____ menatang minyak yang penuh.
A bagai C ke
B dengan D untuk
24. Cik Nurul_____ berkahwin_____ Encik Vijay pada minggu depan.
A untuk ... terhadap C akan ... pada
B akan ... dengan D akan ... kepada
25. Nelson berasal_____ negara Australia.
A dari C hingga
B kepada D pada
26. Kita tidak sepatutnya berasa marah atau berkecil hati_____ sikap orang tua kita.
A demi C seperti
B terhadap D kepada
27. Seramai 345 orang murid yang mengambil bahagian_____ pertandingan melukis itu.
A dalam C akan
B tentang D untuk
28. Mereka_____ perjalanan ke sekolah sewaktu kemalangan itu berlaku.
A demi C dengan
B terhadap D dalam
29. Persahabatan_____ Hasdi dan Hamid dicemburui oleh Mazlan.
A antara C dalam
B untuk D kepada
30. Arshad mengulang kaji pelajaran dari pagi_____ petang.
A daripada C hingga
B sejak D pada

- 31 Pertandingan nyanyian itu berlangsung dari pukul 2.00 petang _____ pukul 5.30 petang.
A ke C kepada
B hingga D dengan
- 32 Angin kencang yang melanda Kampong Tok Senik itu bertiup _____ arah selatan.
A hingga C akan
B dari D daripada
- 33 Ukiran tembikar itu diperbuat _____ tanah liat.
A dari C boleh
B daripada D akan
- 34 Sudah dua hari Firus demam dan suhu badannya meningkat _____ 39 darjah Celsius.
A ke C sejak
B pada D kepada
- 35 Hadiah kamu itu ada _____ Mashitah.
A dengan C kepada
B pada D untuk
- 36 Keputusan Ujian Bulanan Bahasa Melayu kali ini lebih baik _____ bulan lalu.
A oleh C daripada
B dari D dalam
- 37 Sumbangan dan derma ini adalah _____ anak-anak yatim dan mereka yang memerlukan.
A untuk C oleh
B sampai D pada
- 38 Guru- guru itu sedang berbincang bagaimana _____ menangani masalah disiplin pelajar.
A untuk C oleh
B sampai D pada
- 39 Wajahnya bertukar menjadi masam _____ cuka selepas disindir oleh rakannya.
A akan C seperti
B dari D daripada
- 40 Berita kemenangannya dalam pertandingan melukis itu diterimanya _____ perasaan amat gembira.
A seperti C dalam
B dengan D akan

- 41 Kami bertolak ke tempat kejadian _____ pukul 2.00 petang.
A dari C pada
B dalam D dengan
- 42 Warna tudungnya sama _____ warna kain saya.
A akan C dengan
B oleh D ke
- 43 Kami berlatih bermain badminton _____ sejam yang lalu.
A dari C dengan
B pada D sejak
- 44 Nenek tua itu sangat rindu _____ cucunya.
A dengan C akan
B di D kepada
- 45 Lukisan ini lebih cantik _____ lukisan itu.
A untuk C oleh
B sampai D daripada
- 46 Perkara itu tidak menjadi masalah _____ saya.
A dari C untuk
B seperti D daripada
- 47 Pensyarah itu tidak suka _____ pelajarinya yang bersikap sambil lewa semasa membuat tugas.
A akan C untuk
B kepada D dengan
- 48 Semua maklumat yang diberitahu oleh Marina tentang negara itu adalah penting _____ saya.
A bagi C ke
B demi D pada
- 49 Hadiah itu _____ para pemenang peraduan menulis cerpen yang dianjurkan oleh Persatuan Bahasa Melayu.
A pada C dengan
B demi D untuk
- 50 Siva telah menyerahkan buku cerita itu _____ Mala.
A dengan C kepada
B untuk D demi